

07/09/2001

Umno hantar pemimpin bantu kempen BN

Amirullah Andi Nur

MIRI, Khamis - Umno akan menghantar barisan pemimpinnya bagi membantu Barisan Nasional (BN) Sarawak menghadapi pilihan raya negeri kelapan yang akan diadakan pada 27 September ini, terutama kawasan yang ditandingi calon Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB).

Naib Presidennya, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata tumpuan akan diberikan kepada kawasan ditandingi PBB, bagi mengelak timbul sebarang masalah sampingan yang boleh menjejaskan peluang calon BN.

Katanya, parti itu tidak akan menggunakan pendekatan sama ketika membantu calon BN pada pilihan raya Sabah lalu, iaitu menggunakan konsep menjadikan setiap kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) sebagai kawasan anak angkat.

"Kita tidak perlu berbuat sama seperti pada pilihan raya negeri Sabah, kerana di sana konteksnya adalah berbeza. Di Sarawak ini, kita lihat sistem jentera parti amat kemas dan mantap.

"Mereka terbukti mempunyai pengalaman dan kepakaran untuk menggerakkan jentera pilihan rayanya sendiri. Jadi, kita tidak perlu menghantar terlalu ramai ahli ke sini, kerana bimbang akan menimbulkan permasalahan pula.

"Memadailah dengan barisan pemimpin Umno datang memberi sokongan moral dan politik kepada setiap calon BN, khususnya calon PBB," katanya.

Beliau ditemui sejurus tiba di Lapangan Terbang Miri dari Sri Aman bagi lawatan singkat ke Kem Sri Miri dan tapak projek Universiti Teknologi Curtin Sarawak (UTCS) di Senadin, hari ini.

Hadir menyambut beliau ialah Timbalan Ketua Menteri, Tan Sri Dr George Chan Hong Nam, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui dan Ketua Pergerakan Pemuda Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP), Lee Kim Shin.

Pilihan raya Sarawak kelapan akan diadakan pada 27 September ini, manakala penamaan calon ditetapkan 18 September.

Selain PBB, BN Sarawak turut dianggotai SUPP, Parti Kebangsaan Sarawak (Snap) dan Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS).

Najib yang juga Menteri Pertahanan berkata, kehadiran pemimpin Umno membantu calon BN dalam pilihan raya kali ini adalah sebagai tanda sokongan penuh Kerajaan Pusat terhadap kepemimpinan Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Taib Mahmud.

Selain itu, katanya, kehadiran pemimpin Umno juga adalah memberi penjelasan kepada penduduk Sarawak bahawa parti berkenaan tidak akan dikembangkan ke negeri itu, seperti didakwa beberapa pihak sebelum ini.

"Kehadiran kita adalah untuk memberi sokongan kepada calon PBB. Kita nak tunjukkan bahawa Kerajaan Pusat dan Umno menyokong penuh kerajaan Sarawak yang ditunjangi PBB," katanya.

Dalam pada itu, Najib sekali lagi menegaskan sebarang usaha pihak tertentu membawa masuk Umno ke Sarawak adalah tidak sah dan tidak mendapat restu pucuk pimpinan parti berkenaan.

Beliau turut mengesahkan ada menerima maklumat mengenai perbuatan pihak tertentu yang menyebarkan pelbagai risalah, bendera serta surat yang mempunyai kaitan dengan Umno.

"Ini kita tegaskan sekali lagi di sini, Umno tidak ada niat sama sekali untuk mengembangkan sayapnya di Sarawak, kerana kita cukup yakin PBB adalah rakan paling sesuai untuk terus mewakili BN di negeri ini," katanya.

Presiden parti merangkap Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir

Mohamad, sebelum ini turut menegaskan Umno tidak akan menyokong mana-mana parti pada pilihan raya Sarawak, kecuali BN.

(END)